iNota 5.3.1

## Nota PdPc

| Bentuk | Contoh |
|---|---|
| pe-...-an | pedalaman, peperangan, pelabuhan |
| peN-...-an | penulisan, pembacaan, pendapatan, penggantian |

| Bentuk | Contoh |
|---|---|
| peR-...-an | peranakan, perlindungan, perkauman |
| ke-...-an | kelainan, kedukaan, kegembiraan, keanggunan |

## Praktis Berformat UASA

**BAHAGIAN A**

**Soalan 1 dan 2**

*Lengkapkan ayat-ayat yang berikut dengan memilih jawapan yang* **paling sesuai.** ARAS: R

1 Seorang penternak lembu mengalami ________ apabila lembu-lembunya mati akibat keracunan.
A kenaikan
B kerugian
C kelebihan
D kekurangan

**Soalan 2** *berdasarkan gambar di bawah.*



2 ________ sungai di Kampung Lombong akan dijalankan oleh pihak berwajib secepat mungkin untuk mengatasi masalah banjir.
A Dalaman
B Kedalaman
C Pedalaman
D Pendalaman

**Soalan 3**

*Ayat-ayat di bawah* **mungkin betul** *dan* **mungkin salah.** *Jika* **terdapat kesalahan,** *kesalahan itu telah ditandakan dengan* **A, B,** *atau* **C** *dan jika tiada kesalahan telah ditandakan dengan* **D.** ARAS: R

3 Puan Sakinah dihadiahkan seutas jam tangan oleh ketuanya (A) sebagai tanda penghargaan (B) semasa majlis persaraannya (C) baru-baru ini. Tiada kesalahan (D)

**Soalan 4 dan 5**

*Bahagian yang* **bergaris** *dalam ayat-ayat berikut* **mungkin mengandungi kesalahan** *penggunaan bahasa atau* **mungkin juga tidak.** *Tandakan sama ada* **A, B** *atau* **C** *jika ayat itu mengandungi kesalahan dan tandakan* **D** *jika* **tiada kesalahan.** ARAS: S

4 Melalui pembelajaran Pendidikan Keselamatan Jalan Raya, murid dapat mempelajari tentang peraturan-peraturan jalan raya.
A peraturan-peraturan dipelajari
B dipelajari tentang peraturan-peraturan
C mempelajari peraturan-peraturan
D mempelajari tentang peraturan-peraturan

5 Kebanyakan tetamu-tetamu yang hadir ke majlis rumah terbuka itu memakai pakaian tradisional.
A Banyak tetamu
B Kebanyakan tetamu
C Banyak tetamu-tetamu
D Kebanyakan tetamu-tetamu

**Soalan 6 hingga 8**

*Pilih ayat-ayat yang* **betul.** ARAS: T

6 I Insyirah memilih jurusan perakaunan di sebuah kolej manakala adiknya memilih jurusan ekonomi di sebuah universiti awam.
II Syafinaz memerap sahaja di rumah selepas mendapat keputusan yang kurang baik dalam peperiksaan.
III Zulkifli membuat keputusan untuk meneruskan pengajiannya di universiti yang sama.
IV Pendudukan Taman Harmoni sedang memilih AJK persatuan penduduk di balai raya.
A I dan II sahaja
B III dan IV sahaja
C I, II dan III sahaja
D II, III dan IV sahaja



LIVEWORKSHEETS